



CIMB BANK BERHAD
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
200401032872 (671380-H)

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT
Penambahbaikan Program Bantuan Bersasar CIMB bagi
Pinjaman Berjangka/Pembiayaan yang Ditukarkan dari
Baki Kad Kredit/-i (“Program”)

Terma-Terma Am

- A. Terma-terma dan syarat-syarat berikut hendaklah terpakai bagi Program yang boleh didapati dari 1 Jun 2021 hingga 31 Disember 2021 untuk peminjam/pelanggan individu yang mempunyai Pinjaman Berjangka/Pembiayaan yang ditukarkan dari Baki Kad Kredit/-i yang ditukarkan secara automatik di bawah Program Bantuan Pembiayaan untuk Kad Kredit CIMB dan/atau akaun kad kredit yang dijadualkan semula dan disusun semula (“**Kemudahan**”) dan masih dibayar (tidak tertunggak melebihi sembilan puluh (90) hari) setakat tarikh permohonan Program dan:
 - (i) dalam kategori B40 dan didaftarkan dalam pangkalan data Bantuan Sara Hidup (BSH) atau Bantuan Prihatin Rakyat (BPR); dan
 - (ii) adalah dari isi rumah B40 (dengan pendapatan bulanan kurang atau sama dengan RM4,000); atau tunggal B40 (dengan pendapatan bulanan kurang atau sama dengan RM2,000)
- B. Bank merujuk kepada CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad, sebagai institusi kewangan yang memberikan Kemudahan kepada anda.
- C. Untuk memohon Program ini, anda boleh:
 - (i) hubungi Pusat Panggilan Pelanggan CIMB di + 603 6204 7788; atau
 - (ii) kunjungi ke mana-mana cawangan CIMB.
- D. Anda hanya boleh membuat satu (1) pilihan daripada dua (2) pilihan di bawah dan setelah pilihan anda dibuat, ia tidak boleh diubah.
- E. Tempoh Kemudahan anda akan diperpanjangkan minimum tiga (3) bulan.
- F. Fi dan caj akan terus dikenakan seperti biasa ke akaun kad kredit/-i. Anda bertanggungjawab untuk memastikan penyelesaian fi dan caj.
- G. Hak Bank dan kewajipan sedia ada anda untuk terus membuat pembayaran ansuran bulanan selebihnya menjelang tarikh yang dipersetujui tidak akan terjejas. Semua terma lain akaun anda yang dijadualkan semula dan disusun semula tidak akan berubah.

Syarat Khusus untuk Pilihan 1: Penangguhan Ansuran 3 bulan

- 1. Tidak ada pembayaran yang perlu dilakukan selama tiga (3) bulan mulai dari bulan sejurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 1 untuk Program (“**Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan**”) yang akan dimaklumkan kepada anda.



CIMB BANK BERHAD
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
200401032872 (671380-H)

2. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan anda selepas berakhirnya Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan sehingga penyelesaian penuh dibuat atas Kemudahan.
3. Untuk Pinjaman Berjangka, anda akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek tetapi jumlah kos pembiayaan anda akan lebih tinggi. Caj kewangan akan terus dikenakan pada baki tertunggak terkini dalam Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan.
4. Untuk Pembiayaan Berjangka Islam, caj kemudahan tambahan tidak akan dikenakan. Anda juga akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek dalam Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan.
5. Untuk debit automatik dari akaun semasa/simpanan/-i CIMB, pembayaran akan ditangguhkan secara automatik dalam Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan. Untuk Arahan Tetap (“SI”), anda perlu mengemas kini SI dengan sewajarnya.
6. Sekiranya pembayaran ansuran bulanan dilakukan dalam Tempoh Penangguhan Ansuran 3 Bulan, pembayaran tersebut akan dianggap sebagai ansuran bulanan biasa untuk Kemudahan dan tidak akan dibayar balik/dikembalikan.

Syarat Khusus untuk Pilihan 2: Pengurangan Ansuran 50% selama 6 Bulan

1. Ansuran bulanan anda akan dikurangkan sebanyak 50% (“**Ansuran yang Dikurangkan**”) selama enam (6) bulan mulai dari bulan sejurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pilihan 2 untuk Program (“**Tempoh Pengurangan Ansuran 50%**”), dan akan dimaklumkan kepada anda.
2. Anda mesti membayar Ansuran yang Dikurangkan dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.
3. Anda dikehendaki untuk meneruskan pembayaran ansuran bulanan asal anda selepas berakhirnya Tempoh Pengurangan Ansuran 50% sehingga penyelesaian penuh dibuat atas Kemudahan.
4. Untuk Pinjaman Berjangka, anda akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek tetapi jumlah kos pembiayaan anda akan lebih tinggi. Caj kewangan akan terus dikenakan pada baki tertunggak terkini dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.
5. Untuk Pembiayaan Berjangka Islam, caj kemudahan tambahan tidak akan dikenakan. Anda juga akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%.
6. Untuk debit automatik dari akaun semasa/simpanan/-i CIMB, pembayaran akan ditangguhkan secara automatik dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%. Untuk Arahan Tetap (“SI”), anda perlu mengemas kini SI dengan sewajarnya.
7. Sekiranya pembayaran ansuran bulanan asal dilakukan dalam Tempoh Pengurangan Ansuran 50%, pembayaran tersebut akan dianggap sebagai ansuran bulanan biasa untuk Kemudahan dan tidak akan dibayar balik/dikembalikan.